

Tamadun Islam dan Tamadun Asia

Tamadun Islam




TITB113

Pengenalan



- ❧ Islam ialah risalah yang di bawa oleh semua Nabi dan Rasul sejak Nabi Adam A.S sehinggalah kepada Nabi Muhammad S.A.W.
- ❧ Makna Islam dari segi bahasa ialah tunduk, patuh, menyerah diri dan sejahtera.
- ❧ Dari segi istilah ialah taat kepada Allah S.W.T dengan sepenuh hati tanpa ragu serta tunduk dan patuh kepada segala perintah-Nya.





- ❧ Islam diturunkan untuk membawa manusia ke arah satu akidah yaitu meletakkan kepercayaan dan penghambaan hanya kepada Allah S.W.T tanpa sebarang keraguan.
- ❧ Islam bukan sahaja agama yang mengatur hal-hal kerohanian tetapi juga sebagai satu cara hidup yang menyediakan panduan terhadap segenap aspek kehidupan manusia.

Pandangan semesta tamadun Islam

- ❧ Pandangan semesta bermaksud memberi rupa/ gambaran/ lukisan tentang sesuatu perkara.
- ❧ Menurut Syed Muhd Naquib al-Attas, pandangan semesta Islam ialah pandangan Islam mengenai semua perkara yang wujud, sama ada wujud yang nyata atau bersifat ghaib.
- ❧ Kewujudan sesuatu yang diragui oleh pandangan semesta adalah wujud yang luas, yang boleh dijangkakan oleh akal atau wujud sesuatu yang tidak tercapai oleh akal tetapi dapat dijelaskan oleh sumber lain iaitu wahyu. (contoh: syurga, alam ghaib, malaikat)

Pandangan semesta tamadun Islam

- ❧ Pandangan semesta tamadun Islam terkandung dalam ajaran al-Quran dan Sunnah.
- ❧ Pandangan semestanya tidak terbatas kepada sesuatu bangsa, suku, kaum, warna kulit dan sebagainya tetapi meliputi semua aspek kehidupan manusia dan alam.



☞ Beberapa konsep penting boleh dibincangkan untuk memahami pandangan semesta tamadun Islam antara:

☞ Konsep Keimanan

☞ Konsep Kekuasaan

☞ Konsep Kemanusiaan

1. Konsep Keimanan



- ❧ Beriman kepada Allah S.W.T menjadi asas kepada pembinaan tamadun Islam.
- ❧ Konsep kepercayaan, ketundukan dan kepatuhan kepada Allah S.W.T adalah dalam lingkungan menurut segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya.



“Pada hal mereka tidak diperintahkan melainkan supaya menyembah Allah dengan mengikhlaskan ibadat kepada-Nya, lagi teguh di atas tauhid, dan supaya mereka mendirikan sembahyang serta memberi zakat. Dan yang demikian itulah agama yang benar...”
surah Bayyinah (98:5)



- ❧ Prof Ismail Faruqi, tauhid ialah asas dalam memberikan identiti kepada tamadun Islam.
- ❧ Tauhid membawa implikasi pengiktirafan kepada dua realiti, yang menciptakan (Allah SWT) dan realiti yang diciptakan (mahluk)
- ❧ Mencipta mempunyai hubungan dengan yang dicipta.
- ❧ Manusia diberikan keupayaan untuk bertindak sesuai dengan persekitaran dan kehendak Allah, alam tabii bukan bersifat jahat dan perlu dimanfaatkan.



- ❧ Manusia diberikan kebebasan untuk bertindak ataupun tidak.
- ❧ Manusia mempunyai keterikatan dan tanggungjawab terhadap alam tabii yang harus dimanfaatkan.
- ❧ Manusia adalah mulia dan tidak dilahirkan 'malang' atau berdosa.

2. Konsep Kekuasaan



- ❧ Al-Quran dengan jelas menerangkan bahawa Allah S.W.T adalah Pencipta, Penguasa dan Pemilik mutlak kepada alam ini termasuk diri manusia.
- ❧ Konsep hamba: manusia sedar bahawa dirinya tidak terjadi dengan sendirinya, hanya manusia lemah dan tidak memiliki apa-apa keatas dirinya. Segala milik manusia adalah pemberian daripada Pencipta.
- ❧ Apabila manusia menyedari hakikat tersebut, maka ia terpanggil untuk menyembah dan menyerahkan dirinya kepada Tuhan yang menciptakan.



- ❧ Manusia hanyalah sebagai khalifah atau pemegang amanah yang tidak mempunyai kuasa mutlak dalam menguruskan alam ini.
- ❧ Sebagai khalifah, manusia tertakluk dengan peraturan yang ditetapkan oleh Allah SWT bagi menjamin keadilan, ketenteraman dan kemakmuran muka bumi.



“Dan sesiapa yang tidak menghukum dengan apa yang telah diturunkan oleh Allah, maka mereka itulah orang yang zalim”

surah al-Maidah (5:45)

3. Konsep kemanusiaan



- ☞ Manusia dari perspektif Islam adalah makhluk mukallaf iaitu makhluk yang diberi tanggungjawab tertentu yang di amanahkan.
- ☞ Manusia sebagai Ahsani Taqwim (sebaik-baik kejadian), mempunyai unsur roh, akal dan jasad disamping wujudnya nafsu.
- ☞ Kedudukan manusia dalam alam semesta adalah lebih tinggi daripada makhluk yang lain.



- ❧ Islam menghuraikan secara positif bahawa manusia dilahirkan dengan bentuk fitrah, iaitu bersih dan tidak mewarisi sebarang dosa.
- ❧ Manusia dibekalkan dengan bakat dan potensi yang cukup baik dan boleh dikembangkan.
- ❧ Allah SWT mencipta manusia untuk melaksanakan dwi fungsi iaitu sebagai hambaNya serta khalifahNya didunia.





“ sesungguhnya Kami (Allah) telah mengemukakan amanat-amanat kepada tujuh petala langit, bumi dan gunung-ganang, maka semuanya enggan untuk memikul amanat itu dan mereka khawatir akan mengkhianatinya dan dipikullah amanat itu oleh manusia, sesungguhnya manusia itu amat zalim dan amat jahil.”

surah al-Ahzab (33:72)

Konsep Tamadun Islam



- ❧ Konsep tamadun Islam dibina atas kerangka agama Islam itu sendiri sebagai ad-din.
- ❧ Ia diasaskan dengan akidah, diikat dengan syariah, akhlak dan semua prinsip Islam yang lain.
- ❧ Sesetengah tamadun melihat pencapaian manusia dari aspek kebendaan semata-mata sebagai ukuran kepada ketamadunan manusia.



❧ Tamadun Islam adalah ciptaan Tuhan, sifat unik tersebut membezakannya dengan tamadun yang lain:

❧ Bersifat sejagat.

❧ Bersifat terbuka.

❧ Bersifat toleransi.

❧ Bersifat sepanjang zaman.

❧ Bersifat kesatuan dalam kepelbagaian.

Sumber Tamadun Islam



- ☞ Sumber-sumber tamadun Islam boleh diklasifikasikan kepada dua bentuk iaitu sumber yang bersifat naqli dan sumber yang bersifat aqli.
- ☞ Sumber naqli ialah sumber yang diambil dan dikembangkan berdasarkan al-Quran dan Sunnah Nabi (SAW), berkaitan hal-hal ketuhanan, keinsanan dan alam. (soal ketuhanan, sifat-sifat Tuhan)
- ☞ Sumber aqli ialah sumber yang berasaskan akal manusia atau sesuatu yang diusahakan oleh keupayaan manusia (pengkajian tentang fenomena alam)

Sumber Tamadun Islam



- ❧ Sumber tamadun Islam bersifat mutlak iaitu tidak berubah, sesuai sepanjang masa dan keadaan.
- ❧ Antara sumber tamadun Islam ialah:
 - ❧ Al-Quran
 - ❧ Hadis/Sunnah
 - ❧ Ijtihad
 - ❧ Tamadun dan budaya lain



1. Al-Quran



- ☞ Al-Quran ialah wahyu yang diturunkan oleh Allah S.W.T kepada Rasulullah S.A.W melalui perantaraan malaikat Jibrail.
- ☞ Al-Quran mengandungi prinsip-prinsip agama Islam dan ilmu pengetahuan untuk digunakan oleh manusia bagi membangunkan tamadun.

2. Hadis / Sunnah



- ❧ Prinsip-prinsip asas kehidupan beragama dan pendekatan ilmu pengetahuan yang bersifat umum yang terkandung di dalam al-quran kemudian dihuraikan dan diperincikan oleh Hadis/Sunnah Rasulullah S.A.W.
- ❧ Berpandukan Hadis/Sunnah, manusia akan dapat memahami dengan lebih jelas lagi tentang sesuatu perkara untuk dilaksanakan dalam kehidupan mereka tanpa melanggar prinsip yang ditetapkan oleh al-Quran.


3. Ijtihad



- ❧ Dalam tamadun manusia banyak perkembangan baru berlaku.
- ❧ Menjadi peranan ulama atau cendekiawan Islam melakukan usaha secara maksimum untuk mengolah hukum terhadap perkara-perkara baru berdasarkan keilmuan yang dimiliki dengan merujuk kepada sumber al-Quran dan Sunnah.

4. Tamadun dan budaya lain

- ☞ Islam bersifat terbuka dalam menerima nilai-nilai dan idea daripada tamadun lain asalkan tidak bercanggah dengan ajaran Islam.
- ☞ Cth: sistem kementerian yang diperkenalkan oleh Khalifah Umar al-Khattab semasa pemerintahannya adalah mencontohi sistem yang pernah dipraktikkan oleh kerajaan Romawi tetapi digarap semula untuk disesuaikan dengan ajaran Islam.



1. Akidah



- ❧ Akidah dalam Islam merupakan kepercayaan atau keimanan kepada hakikat dan nilai-nilai mutlak, tetap dan kukuh dalam jiwa setiap orang Islam.
- ❧ Hassan al-Banna, akidah adalah hal-hal yang berhubungan dengan kepercayaan dan keyakinan di dalam hati sehingga jiwa itu menjadi tenteram, tidak ragu-ragu dan bimbang, bersih dan murni daripada segala syak wasangka.
- ❧ Terdapat dua aspek yang perlu diberi perhatian iaitu **aspek kepercayaan** dan **aspek kaedah**.

1. Aspek kepercayaan



- ❧ terdapat enam aspek kepercayaan seperti yang dijelaskan oleh al-Quran dan Sunnah:
 - ❧ Beriman kepada Allah
 - ❧ Mempercayai bahawa Allah itu sebagai pencipta, pemilik dan pentadbir seluruh alam.
 - ❧ Beriman kepada Malaikat
 - ❧ Percaya akan wujudnya Malaikat yang tidak pernah menyalahi sesuatu perintah Allah dan melaksanakan apa yang diperintahkan kepada mereka.
 - ❧ Beriman kepada Rasul
 - ❧ Mempercayai akan wujudnya daripada kalangan manusia ini yang diangkat oleh Allah sebagai utusan-Nya.



❧ Beriman kepada Kitab

❧ Mempercayai bahawa al-Quran adalah kitab yang diturunkan oleh Allah untuk menjadi panduan kepada kehidupan manusia.

❧ Beriman kepada hari Akhirat

❧ Meyakini kehidupan di dunia bersifat sementara akan musnah bila berlaku kiamat.

❧ Beriman kepada Qadak dan Qadar

❧ Mempercayai apa yang berlaku keatas diri makhluk sama ada baik atau buruk adalah ketentuan Allah.

2. Aspek kaedah



- ❧ Apa yang dimaksudkan dengan aspek ini ialah keadah pelaksanaan itu sendiri.
- ❧ Terdapat tiga prinsip yang menjadi kriteria asas akidah iaitu:
 - ❧ Aspek kesatuan
 - ❧ Rasional
 - ❧ Toleransi



☞ Kesatuan

☞ Melalui akidah ini juga keastuan fikiran manusia dalam semua aspek kehidupan dapat dibentuk kerana masing-masing mempunyai matlamat kehidupan yang sama iaitu mencari keredaan Allah.



∞ Rasional

- ∞ Al-Quran sentiasa menganjurkan agar manusia sentiasa menyelidik, mengkaji dan memahami kejadian alam ini yang menjadi bukti keagungan Allah.
- ∞ Terdapat beberapa aspek rasional yang boleh dijelaskan bagi mencapai tahap kebenaran tersebut iaitu:
 - ∞ Menolak semua yang tidak bersesuaian dengan realiti.
 - ∞ Menolak pertentangan antara akal dan wahyu.
 - ∞ Bersifat kepada penemuan baru.



☞ Toleransi

- ☞ Islam menuntut umatnya agar memiliki sifat toleransi.
- ☞ Sifat toleransi tersebut perlu berlandaskan prinsip-prinsip akidah dan syariah.

2. Syariah



- ❧ Syariah membawa maksud undang-undang, aturan-aturan dan ketetapan-ketetapan Allah.
- ❧ Firman Allah dalam surah al-Jathiyah (45:18) yang bermaksud:
“kesudahannya Kami jadikan engkau (Wahai Muhammad dan utuskan engkau) menjalankan satu syariat (yang cukup lengkap) dari hukum-hukum agama; maka turutlah syariat itu dan janganlah engkau menurut hawa nafsu orang yang tidak mengetahui (perkara yang benar)”



- ❧ Tujuan syariah adalah untuk menyelamatkan dan memelihara lima perkara yang menjadi asas kepada kehidupan manusia iaitu:
- ❧ Memelihara agama
 - ❧ Memelihara nyawa
 - ❧ Memelihara akal
 - ❧ Memelihara kehormatan dan keturunan
 - ❧ Menjaga harta benda

3. Akhlak



- ❧ Akhlak ialah sikap rohaniah yang memuliakan tingkah laku manusia terhadap Allah, terhadap diri sendiri dan makhluk lain.
- ❧ Prinsip akhlak Islam adalah bersifat universal, terperinci dan tidak boleh diubahsuai bagi memenuhi kehendak manusia yang sentiasa berubah dan tidak sempurna.



- ❧ Perkataan akhlak berasal daripada bahasa Arab iaitu kata jamak dari perkataan khuluq yang bermaksud budi pekerti, tingkah laku dan tabiat.
- ❧ Imam al-ghazali mendefiniskan akhlak sebagai sifat yang tertanam dalam jiwa seseorang dan darinya terbentuk perbuatan dengan mudah tanpa memerlukan pertimbangan fikiran terlebih dahulu.

Kelahiran Tamadun Islam

- ❧ Kelahiran tamadun Islam adalah cetusan daripada Islam itu sendiri kerana bermula di kawasan padang pasir berbanding dengan tamadun silam yang lain yang lazimnya bermula di lembah sungai.
- ❧ Peranan manusia sangat penting dalam pembinaan tamadun Islam.
- ❧ Pengaruh tamadun Islam yang hanya meliputi sebahagian Semenanjung Tanah Arab pada masa kewafatan Rasulullah SAW telah melebar sehingga ke benua lain.
- ❧ Tamadun Islam telah mengubah cara hidup manusia tanpa mengira bangsa dari kehidupan primitif kepada lebih maju dan progresif.
- ❧ Semua suku / bangsa disatukan dalam satu kesatuan yang dipanggil ummah yang terikat dengan akidah, prinsip kebebasan dan keadilan.

Perkembangan Tamadun Islam

- ❧ Perkembangan dan kegemilangan tamadun Islam didorong oleh beberapa perkara, antaranya:
- ❧ **(a) Ilmu:** Islam melihat ilmu sebagai suatu yang sangat penting dan syarat pelengkap yang paling asasi untuk membolehkan manusia berperanan sebagai hamba dan khalifahNya. Menuntut ilmu ialah satu kewajipan keagamaan yang melibatkan fardhu 'ain dan fardhu kifayah kerana melalui ilmu, masyarakat dapat hidup bersaing dan menyumbang ke arah kemakmuran untuk dirinya dan juga orang lain. Ilmu bukan monopoli golongan tertentu dalam masyarakat tetapi merupakan hak yang harus dinikmati oleh semua manusia.



- ❧ **(b) Usaha dan kesungguhan:** Islam adalah agama yang menyepadukan teori dan amal, serta iman dan amal kerana amal yang baik adalah bukti keimanan seseorang. Status dan nasib sesuatu kaum itu terletak pada usaha dan ikhtiar yang dilakukan oleh sesuatu kaum atau masyarakat itu sendiri.

- ❧ **(c) Keterbukaan dan kreatif:** Tamadun yang unggul tidak akan lahir dalam suasana pemikiran yang beku dan kaku, juga tidak muncul dalam suasana pemikiran yang gersang dan usang. Ianya akan muncul dan subur dalam suasana yang kondusif untuk melahirkan tamadun yang unggul yang telah Islam sediakan dan diamalkan oleh generasi terdahulu.



- ❧ Kerajaan Abbasiyah dikatakan sebagai zaman kemuncak kegemilangan tamadun Islam. Pada zaman inilah kegiatan intelektual berkembang pesat. Antara tokoh-tokoh ternama ialah Ibnu Sina (falsafah, sains dan perubatan), Ibnu Haitham (fizik dan matematik), dan al-Ghazali (falsafah dan tasawwuf).
- ❧ Tamadun Islam yang diasaskan oleh Bani Umayyah di Andalusia berkembang hampir lapan abad. Galakan dan naungan yang diberikan oleh pemerintah Islam terhadap kegiatan intelektual telah menjadi faktor penting pencapaian tamadun Islam di Eropah.
- ❧ Juga menyaksikan kebangkitan kerajaan / khalifah Turki Uthmaniyyah iaitu sistem kekhalifahan Islam pertama yang diasaskan oleh bukan berbangsa Arab.

Kemerosotan Tamadun Islam

- ❧ Tamadun Islam mula mengalami kemerosotan disebabkan oleh banyak faktor dalaman dan luaran. Antaranya ialah:
- ❧ Kelemahan pemimpin dan pemikir.
- ❧ Salahguna kuasa pemimpin.
- ❧ Pemimpin menjauhkan diri dari golongan agama.
- ❧ Hilang sikap adil, hikmah dan sifat-sifat *mahmudah*.
- ❧ Hilang daya saing dan kreativiti.
- ❧ Ancaman dari barat dari segi kuasa ketenteraan, empayar, bidang pemikiran dan lain-lain yang menandakan kebangkitan tamadun barat (contoh: polisi *Reconquista* kerajaan Kristian di Sepanyol menyebabkan kejatuhan kerajaan Islam Umayyah).

Prinsip Tamadun Islam



- Prinsip tamadun Islam merangkumi:
 - Pengabdian diri kepada Allah dalam seluruh kegiatan hidup
 - Asas akidah
 - Keluhuran nilai kemanusiaan
 - Nilai kesucian dan keharmonian hidup
 - Tugas khalifah di bumi Allah

❧ Dalam konteks pembinaan tamadun, Islam menekankan aspek hubungan manusia seperti berikut:

❧ Hubungan manusia dengan Allah

❧ Hubungan manusia dengan Allah S.W.T dizahirkan melalui iktiqad dan pelaksanaan ibadah, melaksanakan suruhan dan meninggalkan larangan.

❧ Hubungan manusia dengan manusia

❧ Hubungan manusia dengan manusia adalah berlandaskan syariat yang telah ditetapkan. Islam menghendaki umatnya saling menghormati sesama manusia dan hak-hak yang telah ditentukan.

❧ Hubungan manusia dengan alam

❧ Manusia dan alam adalah makhluk ciptaan Allah S.W.T tetapi manusia diberikan taraf yang lebih tinggi kerana akal dan sebagai khalifah. Manusia diletakkan tanggungjawab untuk memelihara alam ini.

Ciri-ciri keistimewaan tamadun Islam

- ❧ Antara ciri istimewa tamadun Islam yang dapat membezakannya daripada tamadun lain ialah:
 - ❧ Bersifat rabbani
 - ❧ Allah S.W.T adalah punca segala kekuasaan manakala kuasa yang ada pada manusia adalah bersifat relatif dan dikategorikan sebagai amanah.
 - ❧ Sesuai dengan fitrah dan akal manusia
 - ❧ Tamadun Islam bersandarkan ilmu wahyu dan akal dan apa yang diterangkan melalui sumber wahyu tersebut sama sekali tidak bertentangan dengan fitrah dan akal manusia.



❧ Tidak membebankan

- ❧ Allah S.W.T tidak mensyariatkan sesuatu perintah yang diluar kemampuan manusia untuk melaksanakannya.

❧ Sempurna dan menyeluruh

- ❧ Hassan al-Banna, Islam sebagai risalah yang panjangnya meliputi semua zaman, luasnya mencakupi segenap lapisan umat dan dalamnya sehingga merangkumi semua persoalan dunia dan akhirat.

❧ Keseimbangan antara rohani dan jasmani

- ❧ Islam tidak memisahkan kedua-dua unsur ini daripada kehidupan manusia.



☞ Sesuai sepanjang zaman

☞ Prinsip-prinsip Islam adalah bersifat umum, tujuannya adalah untuk disesuaikan dengan kehidupan manusia mengikut zaman dan tempat.

☞ Terbuka dan toleransi

☞ Tamadun Islam tidak terbatas kepada sempadan tertentu malah menggalakkan penerimaan unsur-unsur yang terdapat pada tamadun lain jika tidak bertentangan dengan syariat Islam.

☞ Kesatuan dalam kepelbagaian

☞ Tamadun Islam tertegak di atas prinsip-prinsip keadilan dan kesaksamaan yang melampaui segala batas perbezaan manusia.

Sumbangan tamadun Islam

☞ Antara sumbangan tamadun Islam adalah:

☞ Akidah tauhid

☞ Islam telah membebaskan manusia daripada sebarang bentuk perhambaan dan penyembahan sesama makhluk kepada pengabdian dan penyembahan kepada Allah. S.W.T.

☞ Sosial

☞ Tamadun Islam telah memperkenalkan prinsip-prinsip sosial yang berteraskan keadilan, persamaan, kehormatan dan kemuliaan insan.

☞ Ekonomi

☞ Sistem ekonomi yang berteraskan keadilan, mengharamkan riba dan segala bentuk penindasan.

❧ Politik

- ❧ Kuasa dan kepemimpinan politik adalah amanah. Setiap pemimpin dipertanggungjawabkan di hadapan Allah S.W.T dan menjadi tanggungjawab manusia untuk mentaati pemimpin selama mana pemimpin tersebut mentaati Allah S.W.T dan Rasul S.A.W.

❧ Ilmu pengetahuan

- ❧ Islam menganjurkan umatnya agar menggunakan ilmu untuk mengkaji, menyelidiki rahsia-rahsia alam bagi membangunkan tamadun mereka dan mendekatkan diri dengan pencipta.

❧ Kesenian

- ❧ Seni bahasa dan tulisan, kesusasteraan, seni bina dan seni ukir, seni muzik dan lagu.

Jihad dalam Islam



- ❧ Setiap usaha yang memerlukan pengorbanan tenaga, pemikiran dan segala kemampuan untuk menegakkan kebenaran dan memartabatkan Islam.
- ❧ Jihad meliputi semua aspek antaranya jihad nafsu, jihad melawan hasutan syaitan, jihad melawan golongan munafik, jihad melawan tentera musuh.



- ❧ Menurut Ibnu al-Qayyim al-Jauziyah, jihad terbahagi kepada empat kategori iaitu:
 - ❧ **Jihad melawan hawa nafsu:** Usaha yang bersungguh-sungguh untuk memperbaiki peribadi dengan pemupukan nilai-nilai terpuji serta menghindarkan nilai-nilai yang keji (jihad yang terbesar).
 - ❧ **Jihad melawan syaitan:** Usaha bersungguh-sungguh untuk menghapuskan hasutan syaitan yang mendorong manusia melakukan perkara-perkara yang melampaui batas.
 - ❧ **Jihad melawan golongan munafik:** Menentang golongan musuh dalam selimut. Termasuk juga untuk menegakkan kebenaran dan menghapus kebatilan, menyuruh kepada makruf dan mencegah kemungkaran serta menuntut keadilan dan menghapuskan kezaliman.
 - ❧ **Jihad melawan tentera musuh:** Jihad memikul senjata dalam menghadapi tentera musuh yang boleh mengancam keselamatan dan memusnahkan sesebuah peradaban.



- ❧ Selain itu, terdapat juga jihad lain yang wajar diberi perhatian iaitu:
 - ❧ **Jihad ilmu dan pendidikan:** Tamadun Islam muncul kerana tahap keintelektualan yang tinggi dan semangat cintakan ilmu. Cabaran globalisasi adalah sesuatu yang tidak boleh dinafikan pada masa kini. Justeru, umat Islam harus melihat kepentingan ilmu dan teknologi sebagai medium yang sangat relevan untuk mengangkat kembali martabat tamadun Islam.
 - ❧ **Jihad ekonomi dan politik:** Kekuatan ekonomi dan politik merupakan dua faktor yang sangat penting dalam sesebuah tamadun. Jihad dalam dua konteks ini penting untuk mengukuhkan ekonomi dan menstabilkan politik dengan mengelakkan perpecahan dan kerosakan.